

Bil. 26

Isnin

29 Oktober 2018



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

KANDUNGAN

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Isu Projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA**
- *YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew (Sibu)* [Halaman 1]

- **Isu Pembinaan Balai Polis di FELDA Lepar Utara,
Kuantan, Pahang**
- *YB. Tuan Mohd Shahr bin Abdullah (Paya Besar)* [Halaman 5]

MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 29 Oktober 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)
mempengerusikan Mesyuarat]*

UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)

Isu Projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA

2.34 ptg.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu projek Penyatuan dan Pemulihan (P&P) FELCRA di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Dalam projek tersebut, FELCRA biasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dan juga rakyat untuk melaksanakan projek tanaman kelapa sawit, padi dan getah. Hasil serta keuntungan yang diperoleh menerusi projek terbabit akan diagihkan kepada peserta-peserta.

Projek ini bagus tetapi perlu pengurusan yang baik dan sistematik. Adalah didapati dua isu besar yang harus diberi perhatian dan dibetulkan:

- (i) tanah milikan seseorang telah ditanami pokok sawit di bawah projek FELCRA tanpa pengetahuan pemilik tanah tersebut. Apakah prosedur pihak FELCRA mengambil untuk mengesahkan milikan tanah yang ingin menyertai projek FELCRA;
- (ii) dividen telah diagihkan kepada peserta yang bukan merupakan pemilik tanah. Jadi adakah FELCRA harus disalahkan dalam kesalahan macam ini;
- (iii) jika isu-isu macam dinyatakan memang kesilapan FELCRA, apakah

tindakan yang akan diambil. Perkara macam ini akan menimbulkan imej buruk FELCRA dan mungkin mengalami kerugian kepada pihak FELCRA.

Maklumat yang terperinci tentang salah satu kes yang telah terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Tanah Lot 77, Blok 7, Jemoreng *Land District* (Sungai Tebakong, Matu) sebanyak 1.90610 hektar adalah dimiliki oleh Francis Yong Che Jing (620215-13-5445) dan Chiong Pik Ing (620626-13-5458);
- (ii) pasangan tersebut membeli tanah itu dan membiarkan sehingga baru-baru ini. Mereka menyedari bahawa tanah tersebut telah ditanami pokok sawit di bawah Projek Penyatuan dan Pemulihan FELCRA tanpa pengetahuan dan kebenaran mereka. Pokok sawit yang ditanami berusia agak-agak tiga hingga empat tahun;
- (iii) nama peserta yang didaftarkan dengan pihak FELCRA adalah Hairry Bin Mohamad Kaka (450822-13-5069), nombor kad pengenalannya dan dividen diagih adalah sebanyak RM1,082.59.

Perkara macam ini tidak masuk akal. Siapakah yang harus bertanggungjawab terhadap masalah ini. Oleh yang sedemikian, saya ingin menarik perhatian Menteri untuk memberi perhatian yang sewajarnya kepada isu seperti di atas. Projek Penyatuan dan Pemulihan FELCRA amat bagus untuk membangunkan industri penanaman terutamanya sawit dan ia boleh meningkatkan pendapatan rakyat dan negara. ia harus diurus dengan baik. Sekian, terima kasih.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, dimaklumkan bahawa peserta-peserta FELCRA Berhad terbahagi kepada dua kategori iaitu peserta-peserta tanah milik. Mereka yang memiliki tanah dan diserahkan kepada FELCRA untuk dimajukan dan peserta-peserta bagi tanah-tanah kerajaan yang dimajukan oleh FELCRA. Justeru, maklum balas ini adalah merujuk kepada kategori pertama iaitu berkaitan dengan hal ehwal tanah milik di Tanah Lot 77, Blok 7, Jemoreng *Land District* (Sungai Tebakong, Matu) iaitu projek FELCRA Sekaan 3, kawasan Matu yang berkedudukan di Daerah Matu, bahagian Mukah, Sarawak.

Projek Sekaan 3 ini telah dimajukan bermula pada tahun 1996 dengan keluasan 130.71 hektar dan bilangan peserta seramai 67 orang. Pengeluaran hasil projek ini bermula

pada tahun 2001 dengan keluasan berhasil seluas 120.99 hektar dan Lot 77, Blok 7, Jemoreng *Land District* seluas 1.9061 hektar adalah merupakan salah satu lot tanah yang dimajukan di bawah projek Sekaan 3 ini. Berdasarkan semakan ke atas senarai asal nama peserta projek Sekaan 3 menerusi sistem *Plantation Profiling Participant Land and Survey* (PPPLS).

Penama yang direkodkan untuk dan Lot 77, Blok 7, Jemoreng *Land District* seluas 1.9061 hektar ini adalah Hajah Hajjah binti Saffieei (K.335738). Beliau menandatangani perjanjian dengan FELCRA pada 30 Ogos 1997 dan beliau kemudiannya telah menyerahkan lot tersebut kepada anaknya iaitu Hairry Bin Mohamad Kaka (450822-13-5069). Dimaklumkan juga bahawa Hajah Hajjah binti Saffieei telah menjual lot berkenaan kepada pasangan suami isteri iaitu Encik Francis Yong Che Jing (620215-13-5445) dan Puan Chiong Pik Ing (620626-13-5458). Pada 12 Mei 1997 tanpa dimaklumkan kepada FELCRA.

■1440

Namun, pada tahun 2017, dua penama lain iaitu Encik Francis Yong Che Jing (620215-13-5445) dan Puan Chiong Pik Ing (620626-13-5458) telah menghubungi Pejabat Pengurus Kawasan FELCRA Berhad Matu dan mendakwa beliau telah Tanah Lot 77 Block 7 Jemoreng *Land District* daripada penama asal itu. Dari segi pembayaran dividen, rekod PPPLS menunjukkan bahawa semua bayaran dividen bermula dari tahun 2006 hingga 2016 telah dibayar kepada Hairry Bin Mohamad Kaka sebagai pewaris kepada Hajah Hajjah binti Saffieei.

Namun begitu, semua keuntungan hasil bagi tahun 2017 yang berjumlah RM1,677 telah mula dibayar kepada pemilik sah iaitu Francis Yong Che Jing dan Puan Chiong Pik Ing. Ini bermakna, kedua-dua pemilik sah yang baharu ini telah menerima FELCRA Berhad sebagai pemaju tanah mereka.

Berdasarkan perbincangan di antara pemilik tanah yang baharu iaitu Encik Francis Yong Che Jing dan Puan Chiong Pik Ing dengan pengurusan FELCRA Berhad kawasan Matu, pada 27 Oktober 2018, mereka bersetuju supaya FELCRA terus menguruskan projek tersebut dan akan menandatangani perjanjian dengan FELCRA Berhad. Sukacita dimaklumkan juga bahawa di dalam situasi di atas, tidak timbul dakwaan yang mengatakan bahawa FELCRA memajukan tanah tanpa kebenaran pemilik iaitu dengan merujuk kepada status pemilik asal Lot 77 Block 7 Jemoreng *Land District* iaitu Hajah Hajjah binti Saffieei (K335738).

Akan tetapi isu ini hanya timbul apabila berlaku urusan jual beli di atas lot tersebut yang di luar pengetahuan FELCRA. Ini menyebabkan kedua-dua pembeli berkenaan tidak mendapat gambaran sebenar mengenai status tanah tersebut yang sebenarnya telah menjadi sebahagian daripada projek FELCRA Sekaan 3.

Berdasarkan kepada penjelasan-penjelasan di atas, adalah dinyatakan bahawa FELCRA mempunyai *standard operating procedures* (SOP) di dalam menguruskan proses memajukan tanah milik pekebun kecil. Menurut prosedur ini, pekebun kecil hendaklah menyertakan suratan hak miliknya untuk semakan FELCRA di Pejabat Tanah Daerah berkenaan. Melalui carian rasmi di Pejabat Tanah Daerah, maka akan dapat disahkan bahawa lot tanah itu adalah milik sebenar pekebun kecil.

Setelah diadakan perjanjian di antara pekebun kecil (selepas ini disebut sebagai peserta) dengan FELCRA, maka lot tanah tersebut akan dicaveat di dalam *Register of Holding* (ROH) di pejabat tanah bertujuan menjaga kepentingan FELCRA agar sebarang transaksi jual beli antara peserta dengan pihak lain dapat dikawal sepenuhnya. Di dalam situasi ini juga, FELCRA menganggap bahawa tiada sebarang kes pertelingkahan yang wujud dan ia juga dianggap selesai kerana:

- (i) bahawa kedua-dua pihak (pemilik asal dan pembeli) telah melakukan transaksi jual beli secara persetujuan bersama;
- (ii) bahawa pihak pembeli setelah menerima penjelasan daripada pengurusan, telah bersetuju supaya tanah tersebut terus dimajukan oleh FELCRA dan mereka juga bersetuju untuk menjadi peserta FELCRA; dan
- (iii) bahawa tidak wujud sebarang kes tuntutan mahkamah yang melibatkan semua pihak (pemilik asal, pembeli dan FELCRA)

Bahawa isu di projek Sekaan 3 ini adalah kes terpencil dan FELCRA Berhad memberi jaminan bahawa ianya tidak akan berlaku lagi dan FELCRA akan memastikan selepas ini bahawa pembayaran dividen hanya akan dibuat kepada mana-mana peserta yang menandatangani perjanjian dengan FELCRA.

Sebagai tambahan, adalah dijelaskan bahawa semua data peserta FELCRA (sama ada peserta tanah milik atau peserta tanah kerajaan) dikemas kini secara berkala di dalam sistem pengurusan maklumat peserta bersepadu yang dikenali sebagai Sistem *Plantation Profiling Participant Land and Survey* (PPPLS).

Sistem ini adalah merupakan pangkalan data maklumat peserta yang digunakan sebagai rujukan rasmi dan sumber informasi ketika urusan-urusan berkaitan hal ehwal peserta termasuk pembayaran dividen yang hendak dibuat. Melaluinya, tidak akan timbul sebarang pertindanan nama penerima dividen, mahupun membayar dividen kepada pihak yang salah. Bahawa di dalam semua operasi pengurusan dalaman FELCRA, diselia sepenuhnya oleh proses auditan yang dilakukan oleh firma akauntan bertauliah khusus bagi pemeriksaan hal

ehwal kewangan termasuk pengagihan dividen peserta dan disokong oleh Bahagian Audit Dalam dan Pematuhan FELCRA yang membuat pemeriksaan termasuk ke atas keselamatan dan kesahihan data peserta di dalam sistem yang diguna pakai kini. Sekian, terima kasih.

Isu Pembinaan Balai Polis Di FELDA Lepar Utara, Kuantan, Pahang

2.45 ptg.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membangkitkan isu permohonan pembinaan Balai Polis di FELDA Lepar Utara, Kuantan Pahang yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri. Isu setempat yang saya bangkitkan ini berhubung kait dengan kemudahan keselamatan dan kecemasan rakyat Paya Besar khususnya masyarakat di DUN Lepar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, FELDA Lepar Utara adalah sebuah kawasan di dalam Parlimen Paya Besar yang agak terpisah dari kawasan penempatan yang lain dan mempunyai akses laluan darat yang amat terhad. Perjalanan ke FELDA Lepar Utara daripada Bandar Gambang mengambil kira perjalanan sejauh 171 kilometer yang mengambil masa lebih kurang dua jam 30 minit.

Buat masa ini, FELDA Lepar Utara hanya mempunyai pondok polis dengan kekuatan anggota hanya seramai tiga orang dalam sesuatu masa. Kekuatan anggota ini pula agak tidak setara dengan taburan penduduk di kawasan sekitar yang menggunakan khidmat pondok polis yang berkapasiti 15,000 orang yang membawa kepada nisbah satu orang bagi 5,000 orang penduduk.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, balai polis terdekat bagi kawasan ini ialah balai polis di dalam kawasan Daerah Jengka dan Maran yang jaraknya lebih kurang 100 kilometer. Lagi mengemukakan, balai-balai polis ini merupakan balai polis yang berada di luar daripada pentadbiran polis yang menjaga kawasan FELDA Lepar Utara. Satu-satunya balai polis yang terdekat ialah Balai Polis Gambang yang seperti saya nyatakan tadi jaraknya 171 kilometer daripada FELDA Lepar Utara.

Menyedari situasi ini Tuan Yang di-Pertua, keperluan yang mendesak perlu saya bangkitkan untuk mendirikan balai polis di FELDA Lepar Utara atas beberapa faktor:

- (i) faktor jarak balai polis yang sedia ada amat jauh dengan kawasan FELDA Lepar Utara;

- (ii) jurang nisbah antara anggota polis dengan penduduk yang terlalu besar juga dilihat sebagai satu faktor yang membolehkan balai polis dibina di FELDA Lepar Utara; dan
- (iii) faktor keselamatan penduduk juga menjadi asas penting untuk dipertimbangkan memandangkan penduduk melahirkan rasa kebimbangan terhadap ancaman daripada kegiatan penyalahgunaan dadah, jenayah pecah rumah dan kegiatan sosial di kawasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, justeru, saya ingin memohon pihak kerajaan menyatakan pendirian terhadap usaha untuk membina kemudahan keselamatan rakyat ini dan jika kerajaan bersetuju, bilakah tarikh dan apakah perincian jadual kerja khususnya tempoh pembinaan dan spesifikasi kerja bagi menjayakan pembinaan balai polis ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1450

2.50 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Paya Besar. Tuan Yang di-Pertua, Pondok Polis Lepar Utara adalah di bawah kawal selia Balai Polis Gambang. Jarak antara kedua-dua formasi ini adalah sejauh 196 kilometer. Pondok Polis ini beroperasi dengan kekuatan seorang Koperal yang dibantu oleh seorang anggota berpangkat Koperal Sokongan dan seorang Lans Koperal (keseluruhan seramai tiga orang) dalam mengawal selia kawasan sektor berkeluasan 58 kilometer persegi dengan penduduk seramai 4,182 orang yakni merangkumi sektor Lepar Utara 1, 2, 4, 5, 10 dan 14.

Indeks Jenayah yang direkodkan hanya sebanyak tiga kes bagi tahun 2016 manakala tiada laporan kes Indeks Jenayah yang dilaporkan bagi tahun 2017. Pada masa ini, pihak kementerian sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada (baharu dan sambungan) serta kerja-kerja menaik taraf premis PDRM yang uzur di seluruh negara. Menyedari tentang kekangan kewangan kerajaan yang agak terhad pada masa ini, telah mendesak kementerian untuk memberikan keutamaan kepada tempat-tempat yang mempunyai keperluan mendesak berpandukan indeks jenayah dan juga kepadatan penduduk yang tinggi. Selain ingin memberikan tumpuan kepada baik pulih premis dan juga aset-aset PDRM yang uzur.

Walau bagaimanapun, pihak kementerian akan membuat semakan keutamaan projek pembangunan dari semasa ke semasa dan sekiranya terdapat keperluan pelaksanaan Balai Polis yang baharu, cadangan projek ini akan dimasukkan dalam *rolling plan* (RP) berikutnya.

Sebagai maklumat tambahan untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Paya Besar, Berdasarkan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015 oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi (UPE), norma kepadatan penduduk bagi pembinaan sesebuah Balai Polis adalah antara 10,000 hingga 15,000 orang dan bagi Pondok Polis pula adalah di bawah 10,000 orang. Sehubungan dengan itu, pengoperasian Pondok Polis di kawasan Lepar Utara adalah mencukupi buat masa ini.

Bagi perancangan pelaksanaan di bawah Program Pelan Strategik PDRM (PSPDRM) tahun 2015 hingga 2020 di bawah pakej Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), PDRM telah mencadangkan senarai projek bagi negeri Pahang seperti berikut:

- (i) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang dan Perumahan;
- (ii) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Rompin dan Perumahan; dan
- (iii) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Jerantut.

Projek-projek yang telah siap dan sedang dilaksanakan di negeri Pahang di bawah pakej RMKe-11 adalah seperti berikut:

- (i) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan, Pahang (telah siap);
- (ii) Perumahan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan, Pahang (telah siap); dan
- (iii) Pusat Latihan Polis di Mukim Pelangai, Bentong, Pahang (dalam pelaksanaan).

Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Selasa, 30 Oktober 2018.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.52 petang]